

# Menentukan jangka hayat perundangan

KEHEBATAN sesuatu undang-undang bukan bergantung kepada sikit atau banyak klausa-klausa di dalam makalah undang-undang tersebut. Sebaliknya kehebatan sesuatu undang-undang terserah sejauh mana ia mendapat kepercayaan dan relevan kepada subjeknya. Ada undang-undang yang dipinda dan ada juga yang dimansuhkan sama sekali. Undang-undang yang panjang hayatnya mempunyai dukungan kepercayaan yang kuat oleh rakyat dan dianggap relevan hingga kini. Kepercayaan rakyat memberi ruang kepada andaian undang (*presumption of law*) untuk bertapak sebagai satu prinsip asas perundangan.

Andaian undang-undang membenarkan beberapa keistimewaan dimiliki oleh pihak tertentu di dalam keadaan tertentu. Keistimewaan tersebut menggambarkan kepercayaan rakyat yang tidak berbelah terhadap undang-undang dengan andaian keadilan adalah matlamat badan-badan dan individu-individu di atas. Bagaimanapun keistimewaan tersebut akan dilucut apabila terdapat kecuai, penyalahgunaan kuasa dan niat jahat yang dapat ditunjukkan oleh mereka yang teraniaya.

Sebagai asas, undang-undang mengandaikan semua hakim adalah adil, semua penjawat awam adalah amanah dan semua pengamal undang-undang adalah berwibawa. Asas-asas tersebut meletakkan nasib untung rugi rakyat di tangan mereka yang diberi keistimewaan dalam menunaikan tanggungjawab ma-

sing-masing. Budaya ini bukanlah baru dalam masyarakat Melayu yang juga mempunyai pepatah seperti 'Harapkan Pagar, Pagar Makan Padi'. Harapan rakyat diterjemahkan melalui keyakinan terhadap orang yang dipilih bagi menjalankan tugas selari dengan andaian yang wujud dalam undang-undang.

Dalam negara yang kacau-bilau seperti Iraq misalnya undang-undang tidak dapat berfungsi dengan baik apabila kepercayaan rakyat sudah luntur. Cabaran besar negara pascaperang seperti Iraq bukan sahaja untuk membentuk perlembagaan negaranya tetapi untuk membentuk perlembagaan dan sistem undang-undang yang dipercayai oleh rakyatnya.

Undang-undang mempunyai rasional tersendiri memberi keistimewaan kepada mereka yang terpilih. Keistimewaan itu perlu difahami bagi mengelakkan salah faham. Keistimewaan yang dinikmati bagaimanapun tidak membatasi had undang-undang "Tiada siapa yang mengatasi undang-undang." Keistimewaan akan diangkat juga melalui proses undang-undang dalam kes-kes melibatkan pencabulan dan keingkaran undang-undang tanpa alasan yang munasabah dan diiktiraf oleh undang-undang.

Survival perundangan *Common Law* bukan hanya bergantung kepada bijak pandai undang-undang, malah kepatuhan rakyat juga menentukan jangka hayat survival sistem tersebut. Suasana pascaperang di Iraq jelas menunjukkan hayat

UM - 21/9/2006  
undang-undang nazak apabila kepercayaan yang diberikan oleh rakyat luntur. Filem *V for Vendetta* juga memperlihatkan bagaimana sebuah sistem yang zalim telah mematikan kepercayaan rakyat terhadap undang-undang dan mengengahruhi sang jelita (Natalie Portman) untuk turut protes terhadap sistem ketika itu.

Hubungan rapat antara keyakinan rakyat dengan undang-undang dapat dilihat melalui reaksi masyarakat terhadap beberapa keputusan mahkamah. Reaksi positif dilihat bila keadilan yang diidamkan 'kelihatan' dilaksanakan dan reaktif yang negatif bila keadilan tidak dapat meyakinkan rakyat seperti mana yang dikaitkan dengan beberapa kes-kes kontroversi yang mana pada kaca mata rakyat menggambarkan ada sesuatu yang tidak kena dalam pelaksanaan undang-undang di dalam kes tersebut. Reaksi rakyat perlu diberi perhatian penuh oleh pihak berkaitan kerana ia menzahirkan tahap keyakinan dan mandat yang mereka berikan terhadap undang-undang.

Kerjasama di antara rakyat, penggubal dan pengamal undang-undang sepatutnya dilihat sebagai 'kerjasama pintar' yang bakal menguntungkan kedua-dua belah pihak. Apa-apa inisiatif ke arah memperkasakan sistem perundangan sepatutnya dilihat sebagai sesuatu yang progresif dan bukan sesuatu yang membebaskan mana-mana pihak.

Mungkin latar belakang sejarah yang melatari cadangan tersebut menimbulkan sangsi di mata penguasa. Perasaan curiga

mungkin tidak wujud kalau kerjasama rapat ataupun perkongsian pintar dengan rakyat menjadi rujukan tugas selama ini. Apa yang perlu diketengahkan ialah bagaimana saling percaya yang mewujudkan 'keistimewaan' undang-undang selama ini boleh terhakis. Kepercayaan rakyat terhadap undang-undang adalah pemberian tanpa disedari oleh penguasa dan mungkin perlu dihargai kali ini.

Andaian undang-undang boleh berubah dalam sistem demokrasi yang mana rakyat menjadi penentu. Yang kebal, boleh menjadi tawar kebalnya. Yang istimewa boleh kembali menjadi biasa dan sebaliknya.

Andaian-andaian yang wujud natijah kepercayaan rakyat perlu dijaga dan disuburkan bagi menjamin hayat undang-undang yang sedia ada dapat berterusan. Kepercayaan yang dibina perlu dimanfaatkan sebelum ia terhakis dan hilang. Sebarang usaha ke arah mengembalikan integriti undang-undang terhadap ejen-ejenya seperti kehakiman dan penguasa perlu dipandang serius kerana ia mengangkat isu 'Integriti Undang-Undang' yang perlu menjadi isu prioriti negara.

✪ PENULIS adalah seorang peguam dan Fellow Hubert A. Humphrey di Washington College of Law, American University, Washington D.C.